

BM 26 SEP 1971

A LOR SETAR, Sabtu.—

Dr. Mahathir bin Mohamad, telah ber-setuju menjadi Penasihat Kesatuan Sa-Kerja Perkhidmatan Kenderaan M A R A Wilayah Utara sa-telah Yang Di-Pertua Kesatuan itu, Enche Osman bin Tamby dan ahli2 Jawatan-kuasa-nya menerang-sejarah Kesatuan itu dan perjuangan-nya untok membela nasib pekerja2 Bas MARA dalam Majlis dailog dengan beliau di-ru-mah-nya di-Titi Ga-jah. di-sini baru2 ini.

Sokong

Dr. Mahathir juga menyokong permintaan Kesatuan itu supaya di-iktiraf oleh majikan, dengan syarat2 yang sama dengan yang di-kenakan kepada kesatuan2 pekerja2 kenderaan lain.

Beliau berpendapat adalah tidak adil, jika syarat yang lebeh ketat di-kenakan kepada Kesatuan Sekerja Bas MARA sa-belum di-iktiraf oleh majikan-nya.

Terdahulu dari itu Dr. Mahathir berkata bahawa ucapan-nya dalam Seminar Pemuda UMNO di-Morib dalam bulan Julai yang lalu adalah berasaskan kejadian2 sa-belum Mei 1969, di-waktu pekerja2 Kenderaan MARA terpaksa bergabung dengan kesatuan yang di-pimpin oleh sa-orang tokoh politik.